

Rencana

Penggunaan dron strategi peperangan alaf baharu

Kawasan perebutan wilayah Nagorno-Karabakh yang menjadi punca peperangan etnik ini bukan isu baharu. Ia bermula sejak 1980-an sehingga 1944.

Lanjutan itu, kedua-dua Armenia dan Azerbaijan saling menuding jari bahawa pihak lawan gagal mematuhi arahan pelan damai gencatan senjata bagi tujuan kelestarian kemanusiaan serta memaksa peperangan terbaru berlanjutan sejak sebulan lalu sehingga kini.

Azerbaijan dan Armenia sebenarnya bekas wilayah dalam Republik Soviet, terbabit dalam peperangan di kawasan pergunungan Karabakh ketika Azerbaijan berusaha untuk mengekang gerakan pemisahan di Nagorno-Karabakh.

Namun, konflik perebutan kawasan yang semakin parah membawa kepada persengketaan amat dahsyat, bahkan perang ini disebut menjadi tumpuan dunia pada masa kini.

Boleh dikatakan, taktik peperangan yang digunakan dalam perang ini sebenarnya doktrin peperangan luar biasa yang penggunaan teknologi seperti peralatan robotik, pesawat tanpa pemandu pertama kali diadaptasikan secara maksimum.

Ahli falsafah Yunani, Plato pernah mengatakan keperluan adalah ibu kepada penciptaan. Konsep ini dapat dilihat dalam siri peperangan kali ini. Jika dilihat dari sudut aset persenjataan aeroangkasa Azerbaijan, ia tidak secanggih seperti negara maju lain.

Namun, akibat keperluan mendesak dalam peperangan ini, maka timbul pemikiran kreatif dan inovatif bagi merealisasikan strategi dalam usaha memenangi perang.

Azerbaijan kini dilihat lebih berinovasi dalam melaksanakan taktik peperangan moden apabila banyak mengaplikasikan penggunaan dron dalam siri peperangan terbaru ini.

Sebagai contoh, pihak tentera Azerbaijan yang turut dikenali sebagai Pasukan Azeri didakwa mengubah suai pesawat lama era Soviet Union AN-2 yang sebelum ini diguna pakai sebagai pesawat pengangkut tentera sejak 1946, menjadi 'dron umpan' bagi mengenal pasti lokasi sistem pertahanan udara pihak Armenia.

Pada 2020 ini, ia muncul sebagai senjata terbaru diadaptasikan tentera udara Azerbaijan; ia mudah ditembak jatuh oleh sistem pertahanan udara Armenia, sebaliknya

dengan pelaksanaan strategi ini, posisi sistem pertahanan udara dan artileri berkenaan terdedah.

Menariknya, pada awal peperangan ini berlangsung, sering diberitakan pihak Armenia berjaya menembak jatuh pesawat AN-2 milik Azerbaijan, tetapi juruterbangnya tidak dijumpai setiap kali terhempas.

Oleh itu, timbul perasaan curiga oleh pihak Armenia terhadap penggunaan AN-2 yang uzur, bahkan sangat 'lembab' ketika penerbangan, sedangkan ia digunakan dalam pertempuran.

Bertitik tolak dari pada hal ini, keterlibatan dron kamikaze Harop buatan Industri Aeroangkasa Israel (dahulunya dikenali sebagai industri pesawat Israel) yang diklasifikasikan sebagai 'peluru berlegar-legar' (loitering munition) di ruang angkasa turut digunakan pihak tentera Azerbaijan.

Dron Harop yang juga dikenali sebagai Harry 2 menjadi dron anti-radasi yang boleh dikawal secara jauh melalui peranti radio kebanyakannya digunakan secara optimum bagi me-

musnahkan sistem pertahanan udara pihak Armenia.

Strategi serangan ini amat mudah, alihkan tumpuan pihak musuh dengan memancing menggunakan dron umpan ini, sekali gus pihak musuh (Armenia) mengaktifkan tembakan.

Dron Harop kemudian disasarkan bagi memusnahkan sistem pertahanan udara Armenia. Kerugian pihak Azerbaijan dilihat tidak sebesar mana jika hendak dibandingkan dengan potensi pulangan AN-2 sebagai dron umpan.

Hal ini kerana sistem pertahanan udara Armenia yang nilainya bermilai jutaan dolar dapat dimusnahkan selepas dikesan menggunakan dron Harop atau bom pintar yang dijatuhkan oleh pesawat tanpa pemandu (UAS).

Ini disebabkan kebolehan dari perspektif reka bentuk dron Harop yang mampu terbang tanpa dapat dikesan membuatkan pengesanan dan pemintasan oleh sistem pertahanan udara menjadi sukar.

Pada masa sama, pengeluaran kesan haba yang rendah menyebabkan senjata pengesanan inframerah tidak mampu mengesan Harop secara efektif ditambah pula dengan reka bentuk badan pesawat yang halus dan licin, pengesanan lokasi secara visual semakin mencabar.

Dron Harop dilengkapi bahan peledak seberat 16 kilogram mampu beroperasi sejauh hampir 998 kilometer selama 6 jam. Dron ini akan berpatah balik ke pangkalan jika tiada sasaran dikenalkan.

Bukan itu sahaja, malah bom pintar

daripada pesawat MALE UAS TB2 Bayraktar buatan Baykar Defence dari Turki turut dilepaskan menggunakan taktik sama bagi situasi berbeza.

Semanganya, pesawat tanpa pemandu TB2 Bayraktar berkenaan menjadi dron berpotensi besar apabila kejayaannya dapat dilihat ketika pihak tentera Turki mengoperasikannya dalam Operasi Spring Shield di Syria pada Februari lalu dan ketika menentang pasukan Khalifa Haftar di Libya.

Kesimpulannya, kita dapat melihat aplikasi dron atau pesawat tanpa pemandu ini memainkan peranan yang penting dalam konflik perebutan wilayah yang berlaku di Nagorno-Karabakh di antara Armenia dengan Azerbaijan.

Secara halusnya, kita juga dapat melihat peranan kuasa pengeluaran aset ketenteraan seperti Turki, Russia dan Israel dalam membekalkan dron atau pesawat tanpa pemandu dalam siri pertempuran Armenia-Azerbaijan ini.

Maka, kecanggihan senjata oleh negara pengeluaran yang terbabit dalam peperangan ini menjadi kayu ukur prestasi keupayaan ketenteraan mereka dan seterusnya menjadikan mereka lebih agresif dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan pertahanan pada masa akan datang.

Dengan berkembangnya teknologi terkini seperti digariskan dalam Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), internet benda (IoT), sistem berautonomi dan aspek lain sememangnya menjadi faktor utama perubahan 'wajah' peperangan pada alaf ini.

Tidak dinafikan, inilah punca siri peperangan berkenaan menjadi tumpuan dunia, bahkan dilihat sebagai punca menjadi medium negara besar menguji sistem senjata yang dibangunkan.

Penulis adalah Pensyarah Kanan (Kejuruteraan Aeroangkasa), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Leftenan
Dr Nur Azam
Abdullah



Peperangan Armenia dan Azerbaijan yang merebut wilayah Nagorno-Karabakh.